

Headline **CDI cari rakan pasarkan TRAW**
Date **03 Jun 2010**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Ekonomi**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **26**
Article Size **303 cm²**
Color **Black/white**
ADValue **4,132**
PRValue **12,395**



CDI cari rakan pasarkan TRAW

Pellet kayu akasia sebagai bahan api bio jimatkan sumber tenaga

Ahmad Fiesal Othman

CHE Dzayauddin Ishak Sdn Bhd (CDI), syarikat kejuruteraan yang menyediakan penyelesaian komprehensif berkaitan sumber tenaga boleh diperbaharui sedang mencari pelabur untuk membantunya mengkomersialkan produk bahan api bio baru iaitu 'Torrefied Acacia Wood' (TRAW) yang dihasilkan daripada penyelidikan dan pembangunan (R&D) Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

Pengerusinya, Tan Sri Dr Abdul Hamid Pawanteh, berkata TRAW yang menggunakan pellet kayu akasia sebagai bahan mentah adalah sumber tenaga yang mesra alam dan menjimatkan kos yang mana ia adalah perkembangan baru dalam teknologi tenaga boleh diperbaharui di negara ini.

Katanya, selain mempelbagaikan sumber bekalan tenaga

negara, penggunaan TRAW juga akan membantu meningkatkan keselamatan negara, mempromosikan penggunaan sumber tempatan, membantu menstabilkan harga bahan api, mengukuhkan keupayaan sistem elektrik, menyumbang kepada usaha pengawalan pencemaran serta merangsang ekonomi dan menyediakan pekerjaan baru.

"Kami merancang menubuhkan beberapa kilang menghasilkan pellet TRAW di seluruh negara dengan setiap satunya dianggarkan membabitkan pelaburan kira-kira RM10 juta," katanya kepada pemberita pada majlis memeterai perjanjian pelesenan teknologi antara CDI dengan Frim di Kepong, Kuala Lumpur, semalam.

Pada majlis itu Abdul Hamid memeterai bagi pihak CDI, manakala FRIM diwakili Ketua

Pengarahnya, Datuk Dr Abd Latiff Mohmod.

Pellet TRAW yang diperbuat daripada kayu akasia adalah hasil daripada R&D FRIM yang bertujuan menambah baik nilai serta penggunaan kayu akasia yang selama ini lebih banyak digunakan untuk pembuatan cip kayu.

Menerusi penyesuaian beberapa proses dalam industri seramik, FRIM berjaya menghasilkan TRAW sebagai bahan api bio yang cekap.

Di bawah perjanjian yang dimeterai semalam, CDI membayar FRIM RM2.5 juta untuk mendapatkan hak eksklusif selama 10 tahun bagi mempromosi dan mengkomersialkan pellet TRAW yang dihasilkan menggunakan teknologi airless.

Abdul Hamid berkata, selain sebagai sumber bekalan beka-

lan tenaga, pellet TRAW juga boleh dipasarkan kepada industri berkaitan kayu arang dan arang batu.

Beliau berkata, CDI akan menggunakan sumber bahan mentah sedia ada yang banyak di negara ini untuk menghasilkan pellet TRAW.

“Kami merancang menubuhkan beberapa kilang menghasilkan pellet TRAW di seluruh negara dengan setiap satunya dianggarkan membabitkan pelaburan kira-kira RM10 juta”

Abdul Hamid Pawanteh
Pengerusi Che Dzayauddin Ishak Sdn Bhd



ABDUL Hamid (dua dari kanan), menyaksikan perjanjian antara Abd Latiff (tiga dari kiri) dan Datuk Che Dzayauddin Ishak (tiga dari kanan) sambil disaksikan Dr Abdul Rahim Nik (kiri) dan Graham Bird ketika MoU di Kepong, semalam.